



KENYATAAN MEDIA

PROGRAM HARMONI SEMPENA SAMBUTAN MINGGU KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA SEDUNIA

26 Februari 2023, KUCHING – Menteri Perpaduan Negara, Yang Berhormat Datuk Aaron Ago Dagang telah merasmikan Program Harmoni bersempena sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia bertempat di Dewan Undangan Negeri, Sarawak. Program ini adalah anjuran bersama Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Sarawak dan Kerajaan Negeri Sarawak melalui Unit Hal Ehwal Agama-Agama Lain (UNIFOR) di bawah Jabatan Premier Sarawak.

2. Objektif utama penganjuran program ini adalah bagi mempertingkatkan serta mengukuhkan persefahaman dan keharmonian antara penganut-penganut agama. Selain itu, program ini turut bertujuan menyebarkan mesej toleransi, perpaduan dalam usaha mengekalkan keamanan dan kesejahteraan rakyat Malaysia.

3. Bertemakan Malaysia MADANI Dalam Kepelbagaian Agama, program yang berlangsung di seluruh negara bermula dari 18 hingga 26 Februari 2023 ini telah memberi manfaat kepada lebih 1,500 golongan kurang bernasib dari institusi kebajikan terpilih. Program ini turut menerima penglibatan pelbagai pihak dalam aktiviti kesukarelawanan termasuk agensi Kerajaan, pemimpin tempatan, komuniti, pelajar Institut Pengajian Tinggi, pelajar sekolah, badan bukan kerajaan (NGO) dan Kawasan Rukun Tetangga (KRT). Di Negeri Sarawak, sebanyak 260 kotak RAHMAH telah diagihkan kepada warga emas pelbagai agama.

4. “Program Harmoni merupakan salah satu inisiatif Kementerian di bawah Program Kembara Perpaduan sepertimana yang diumumkan dalam Belanjawan 2023. Selari dengan agenda membangun Malaysia MADANI, program seumpama ini adalah salah satu ikhtiar dalam menjamin keharmonian dan perpaduan rakyat,” jelas Datuk Aaron.

5. YB Menteri berharap agar program kerjasama strategik antara Kementerian khususnya penglibatan NGO pelbagai kaum dan agama ini dapat diperluas memandangkan ia dapat memberikan sumbangan kepada kesejahteraan komuniti setempat.

Kementerian Perpaduan Negara

26 Februari 2023

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media

Unit Komunikasi Korporat,

Kementerian Perpaduan Negara

Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 569

E-mail: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-15/5/4 Jld 2 (3)